

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J02.01/10.12/2 Jld.2 (32)

22 Februari 2023
1 Syaaban 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.8/2023

PENAMATAN PELAKSANAAN KRITERIA KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK BERASASKAN LALUAN KERJAYA PELBAGAI TREK STAF AKADEMIK (DIFFERENTIATED CAREER PATHWAY-DCP)

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 3 Tahun 2023 bertarikh 7 Februari 2023 telah bersetuju meluluskan penamatan pelaksanaan kenaikan pangkat staf akademik berdasarkan kriteria Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik (*Academic Differentiated Career Pathway - DCP*).

2. Berkuat kuasa serta merta, kriteria kenaikan pangkat staf akademik berasaskan DCP sepertimana dinyatakan dalam Polisi dan Kriteria Laluan Kerjaya Pelbagai Staf Akademik dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 92 bertarikh 17 Mei 2017 adalah **dibatalkan**.
3. Pelaksanaan urusan kenaikan pangkat staf akademik akan diteruskan menggunakan kriteria **Kenaikan Pangkat Staf Akademik Versi 1 (KPA V1)** sedia ada. Walau bagaimanapun, kriteria kenaikan pangkat Versi 1 (KPA V1) ini akan disemak semula dan ditambahbaik dengan mengambilkira keperluan kompetensi serta elemen penilaian kualiti.
4. Sehubungan dengan itu, semua staf diminta mengambil maklum mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Pagoh)
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

NA/ND/sams